



## **SIARAN MEDIA**

---

### **“TAMBAK RIUH BERAYA” MERIAHKAN SUASANA AIDILFITRI DI JOHOR BAHRU**

**JOHOR BAHRU, 6 April 2024** – Istimewa pada tahun ini, “Kembara RIUH 2024” membawa kemeriahan Aidilfitri berganda buat warga Johor Bahru dan kawasan sekitarnya, serta warga Singapura dengan acara “Tambak RIUH Beraya” yang berlangsung pada 5 April sehingga 7 April 2024.

“Kembara RIUH 2024” merupakan inisiatif Kementerian Komunikasi menerusi MyCreative Ventures (MyCV) yang berpotensi menyediakan **lebih 5,000 peluang pekerjaan dan menyokong lebih 2,000 orang penggiat seni dan kreatif**.

Dengan konsep yang menggabungkan pengalaman unik membeli-belah untuk persiapan Aidilfitri, para pengunjung juga berpeluang menikmati pelbagai makanan dan minuman menarik serta bakal dihiburkan oleh artis terkenal dan penggiat seni tempatan.

Timbalan Menteri Komunikasi, YB Teo Nie Ching pada sesi lawatan di “Tambak RIUH Beraya” berkata, acara ini membuka ruang lebih luas untuk membantu lebih 80 vendor dan usahawan kreatif, dengan 50% daripada jumlah vendor tersebut terdiri daripada pengusaha jenama tempatan dari negeri Johor Darul Takzim.

“Kembara RIUH 2024” memulakan edisi tahun ini di Sentul Depot pada 29 sehingga 31 Mac 2024 yang lalu, dengan merekodkan lebih 35,000 orang pengunjung hadir ke acara tersebut, iaitu 20% melebihi jangkaan awal jumlah pengunjung yang disasarkan.

Pada edisi “Tambak RIUH Beraya” kali ini, dengan sasaran jumlah pengunjung seramai 20,000 orang, dianggarkan jumlah jualan adalah sekitar RM200,000 sehingga RM300,000 berpotensi untuk dicapai bagi tempoh 3 hari acara ini berlangsung.

Bersama rakan penganjur acara tempatan, JOHO, “Tambak RIUH Beraya” menampilkan persembahan hebat daripada barisan artis-artis tempatan seperti Aisha Retno, Insomniacs, Airliftz dan ramai lagi.

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

Lokasi bagi acara “Tambak RIUH Beraya” adalah di ruang parkir berhadapan Pejabat Pos Utama Johor Bahru dan beroperasi bermula jam 3:00 petang dan tamat pada 11:00 malam. Masuk adalah percuma.

Untuk maklumat lanjut, layari media sosial rasmi @riuhinthecity dan @mycreativeventures di Facebook dan Instagram.

Turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif MyCV, Zainariah Johari.

**Dikeluarkan oleh:**

**MyCreative Ventures**